



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PETRA SERAH ENAM PROJEK SIAP DENGAN KOS KESELURUHAN RM83.46 JUTA KEPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

PUTRAJAYA, 21 Julai 2026 – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menyerahkan enam (6) projek siap dengan kos keseluruhan sebanyak **RM83.46 juta** kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Projek-projek ini merangkumi tiga (3) projek kawalan hakisan pantai, satu (1) projek pemuliharaan pantai dan dua (2) projek mitigasi banjir sungai. Pelaksanaan projek-projek ini memperkukuh perlindungan terhadap risiko banjir dan hakisan pantai serta melindungi nyawa, harta benda dan kesejahteraan rakyat.

Penyerahan enam (6) projek oleh YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia kepada YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah disaksikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor bersama YBhg. Dato' Sri Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha PETRA yang mewakili YAB Menteri PETRA.

Tiga (3) projek kawalan hakisan pantai telah disiapkan dengan kos keseluruhan sebanyak **RM9.26 juta** di daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor, seperti berikut:

- i. **Projek Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai di Sungai Haji Dorani, Daerah Sabak Bernam, Selangor telah bermula pada 20 Jun 2024 dan siap sepenuhnya pada 19 Januari 2026;**

- ii. **Projek Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai di Pantai Batu 23, Daerah Sabak Bernam, Selangor telah bermula pada 20 Jun 2025 dan siap sepenuhnya pada 20 Mei 2026; dan**
- iii. **Projek Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai di Kampung Sungai Janggut dan Kampung Tok Adam, Daerah Kuala Selangor, Selangor telah bermula pada 21 Jun 2024 dan siap sepenuhnya pada 21 Mei 2026.**

Ketiga-tiga projek ini bertujuan menaik taraf dan memperkukuh struktur perlindungan pantai serta memulihkan kawasan pesisir yang terjejas akibat hakisan. Projek dijangka dapat mengurangkan ancaman hakisan dan limpahan air laut, khususnya semasa fenomena air pasang besar serta melindungi kawasan pertanian dan penempatan penduduk.

Kerajaan Persekutuan turut melaksanakan Projek Pemuliharaan Pantai Morib dengan kos sebanyak **RM60.50 juta**. Projek yang bermula pada 1 September 2023 dan siap sepenuhnya pada 1 Julai 2026 ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 3,000 penduduk setempat melalui pengurangan risiko hakisan pantai.

Pada majlis yang sama, dua (2) projek mitigasi banjir sungai turut diserahkan, iaitu:

- i. **Kerja-Kerja Pengukuhan Tebing Sungai Penchala Berhampiran Avon, Jalan 51A/219, Petaling Jaya serta Kerja-Kerja Berkaitan bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Daerah Petaling, Selangor** dengan kos sebanyak **RM4.3 juta** dijangka akan mengurangkan risiko runtuh tebing di sepanjang kira-kira 10 kilometer Sungai Penchala serta melindungi 5,000 penduduk di lembangan Sungai Penchala; dan
- ii. **Projek Menaik Taraf Sungai Kemensah dan Kerja-Kerja Berkaitan di Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor (Reka dan Bina)** dengan kos sebanyak **RM9.4 juta** yang merangkumi kerja-kerja pengukuhan tebing sungai dan peningkatan kapasiti aliran sungai sepanjang 1.6 kilometer dijangka menstabilkan tebing, mengurangkan hakisan, mengelakkan kerosakan harta benda 200 buah rumah/premis dan infrastruktur awam.

Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan sebanyak **25 projek** di dalam *Rolling Plan* Pertama Tahun 2026 RMKe-13 dengan kos keseluruhan projek sebanyak **RM3.639 billion**. **Projek-projek ini melibatkan 16 projek sambungan dan 9 projek baharu** yang merangkumi skop tebatan banjir, menaiktaraf sistem saliran, pemulihan koridor sungai dan hakisan pantai serta infrastruktur mekanikal dan elektrik bagi Negeri Selangor.

Kerajaan Persekutuan kekal komited dalam memperkukuh daya tahan Negeri Selangor terhadap risiko banjir dan hakisan pantai melalui pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan komuniti, malah menyokong pembangunan sosioekonomi yang mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
21 Julai 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA
f @ X d

